

0200

U B676 BAH  
MAHATHIR - WANITA

KUALA LUMPUR, 15 NOV (BERNAMA) -- PERANAN KAUM LELAKI DAN WANITA DALAM MEMPERJUANGKAN BANGSA MELALUI UMNO DAN PROSES PEMBANGUNAN NEGARA TIDAK HARUS DIBEZAKAN MELALUI BILANGAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, APA YANG PENTING ADALAH KEUPAYAAN KEDUA-DUANYA UNTUK BERSAMA-SAMA MEMAINKAN PERANAN DALAM APA JUA BENTUK TUGAS YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN.

DALAM UMNO, MISALNYA, KEAGGOTAAN YANG RAMAI AKAN MEMBERIKAN KEKUATAN KEPADA PARTI DAN SUMBANGAN MASING-MASING BOLEH DIJADIKAN TERAS KE ARAH MENCAPI PERJUANGAN PARTI, BANGSA DAN NEGARA, KATANYA SEMASA BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN ULANG TAHUN PERGERAKAN WANITA UMNO YANG KE-40 DI SINI.

BELIAU BERKATA, PADA HAKIKATNYA MEMANG TERDAPAT PERBEZAAN DARIPADA SEGI PERANAN LELAKI DAN WANITA DALAM PERKARA TERTENTU TETAPI PERBEZAAN KECIL ITU TIDAK HARUS DITUMPUKAN SEHINGGA MEREKA TIDAK BOLEH BEKERJASAMA.

KATANYA, TELAH TERBUKTI DALAM PEMBAHAGIAN TUGAS SAMA ADA PADA PERINGKAT KABINET DAN SEBAGAINYA KEBOLEHAN SESEORANG ITU LEBIH DIUTAMAKAN DARIPADA JANTINYA. -- LAGI

2042MST 15 11 89

U B679 BAH  
MAHATHIR - WANITA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, UMNO SEJAK DAHULU LAGI MENGHARGAI PERANAN WANITA YANG SENTIASA BERGERAK CERGAS MENERUSKAN PERJUANGAN PARTI DAN SUMBANGAN MEREKA JELAS BERKESAN SETIAP KALI DIADAKAN PILIHAN RAYA.

SEBAGAI PERAYU UNDI, MEREKA BEKERJA KERAS MEMASTIKAN KEMENANGAN BAGI CALON UMNO DAN BARISAN NASIONAL, KATANYA DISAMBU TEPUKAN GEMURUH DARI KIRA-KIRA 5,000 ANGGOTA WANITA YANG HADIR DI DEWAN MERDEKA PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, TEMPAT PERHIMPUNAN ITU DIADAKAN.

BELIAU BAGAIMANAPUN, MENEGASKAN BUKANLAH NIAT KAUM LELAKI DALAM UMNO UNTUK MENGGUNAKAN KAUM WANITA HANYA SEBAGAI PERAYU UNDI DAN MELUPAKAN PERANAN MEREKA SEBAIK SAHAJA KEMENANGAN DICAPAI.

KATANYA, SUMBANGAN MEREKA AKAN SENTIASA DIIKTIRAF DAN KEBOLEHAN MEREKA DIHARGAI MELALUI PEMBAHAGIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG SETIMPAL PADA SEMUA PERINGKAT PENTADBIRAN NEGARA.

PERDANA MENTERI SECARA BERSELOROH BERKATA, BELIAU FAHAM DENGAN SINDIRAN YANG BANYAK DITEKANKAN DALAM DIALOG PEMENTASAN YANG DIADAKAN SEMPENA PERHIMPUNAN ITU YANG MENYEBUT KEINGINAN KAUM WANITA MELIHAT SEORANG PERDANA WANITA DI NEGARA INI.

+NASIB BAIK SAYA SUDAH JADI PM DULU, KALAU LEPAS SAYA NANTI NAK DESAKPUN DESAKLAH+, KATANYA SAMBIL TERSENYUM. -- LAGI

2110MST 15 11 89

U B680 BAH  
MAHATHIR - WANITA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN MEREKA YANG BERPENDAPAT BAHAWA KAUM WANITA TIDAK HARUS MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM JENTERA PENTADBIRAN SEBAGAI MEREKA YANG BERPENDANGAN CETEK.

+MEREKA YANG SAMA-SAMA BERJUANG UNTUK KEMERDEKAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA SEHARUSNYA DIBERI TEMPAT YANG SEWAJARNYA,+ KATANYA.

BELIAU MAHUKAN KAUM WANITA SUPAYA TERUS GIGIH DALAM PERJUANGAN MEREKA DAN MEMASTIKAN UMNO TERUS KUKUH SEBAGAI PARTI YANG MEMPERJUANGKAN BANGSA MELAYU.

PERHIMPUNAN ITU DIHADIRI OLEH SEBILANGAN BESAR TOKOH UMNO SEPERTI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, TUN HUSSEIN ONN, DATUK BAHAMAN SHAMSUDDIN DAN BEKAS-BEKAS KETUA WANITA TERMASUK KETUA KAUM IBU YANG PERTAMA PUAN SRI PUTEH MARIAH IBRAHIM RASHID, HAJAH RAHAH TAN SRI MOHD NOAH, TOH PUAN SUHAILA, TAN SRI FATIMAH HASHIM DAN TAN SRI AISHAH GHANI.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI-MENTERI KABINET, MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI. -- BERNAMA

2112MST 15 11 89